

TARIKH	7 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	112	RUANGAN	Sentral

Ahli Kelab TaHa, Mersing hadiri Klinik UPSR

Oleh Sahlina Sakhirin
upen@bharian.com.my

SERAMAI 250 ahli Kelab TaHa daerah, yang juga calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menyertai program bimbingan peperiksaan Skor A UPSR, di Auditorium Utama Institut Latihan Perindustrian, Jalan Jemaluang, Mersing, baru-baru ini.

Seminar anjuran Unit Pendidikan Berita Harian menerusi tajaan Tabung Haji, Mersing, bertujuan memberikan khidmat bimbingan pendidikan berkualiti kepada ahli.

Pengurus Tabung Haji

daerah, Yazid Ahmad, berkata ahli berpeluang mengikuti program berkenaan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan September ini.

Katanya, dia bangga kerana peserta dapat menghadirkan diri walaupun masing-masing sibuk menghabiskan masa cuti sekolah bersama keluarga.

Program sehari itu dimuatkan dengan tiga slot ceramah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik, masing-

masing ialah calon dari sekolah sekitar kawasan Endau dan Tenggaroh.

Seorang peserta, Sahidatul Aini Mazlan, 12, berkata dia gembira kerana terpilih menyertai program ini kerana banyak maklumat tambahan diperoleh sepanjang sesi pembelajaran daripada guru pakar.

Murid Sekolah Kebangsaan (SK) Penyabong Endau, itu berkata, tip yang diberi serta panduan belajar secara berkesan dapat diandalkan sepanjang tempoh persediaan menghadapi peperiksaan.



PESERTA memberi tumpuan ketika Klinik UPSR berlangsung.